

<b>Headline</b>	<b>Pendeposit TH Johor hampir 1 juta</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>23 Jun 2016</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Negara</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,202</b>
<b>Page No</b>	<b>14</b>	<b>Readership</b>	<b>875,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>215 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>MOHAMED SAARI</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 5,601</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 16,803</b>



Tabung Haji giatkan kempen, promosi untuk tingkatkan bilangan penyimpan

# Pendeposit TH Johor hampir 1 juta

Oleh MOHAMED SAARI

**S**EGAMAT — Hampir 50 peratus atau kira-kira 990,000 daripada lebih dua juta umat Islam di negeri ini telah mendaftar sebagai pendeposit Lembaga Tabung Haji (TH).

Pengarah Lembaga Tabung Haji (TH) Johor, Datuk Mohamad Mokhzani Mukthar berkata, pihaknya yakin sasaran untuk 100 peratus umat Islam di negeri mendaftar sebagai pendeposit mampu dicapai dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

“Angka ini boleh dicapai melalui usaha proaktif termasuk kempen dan promosi selain meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menabung.

“Ketika ini, terdapat 12 cawangan TH di negeri Johor dengan lapan daripadanya menyediakan perkhidmatan pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Sumbangan Program Zakat Ehsan TH 2016 Peringkat Negeri Johor kepada 300 golongan asnaf di daerah ini melibatkan jumlah keseluruhan RM150,000 di Hotel VIP Segamat di sini semalam.

Menurut Mohamad Mokhzani, setakat ini pendeposit TH di Johor mengekalkan simpanan mereka dan tiada berlakunya pengeluaran drastik.

Jelasnya, walaupun terdapat pengeluaran yang melebihi kadar biasa pada waktu tertentu, namun ia disebabkan pelbagai faktor seperti menjelang musim perayaan atau menjelang cuti sekolah.

Sementara itu, kouta jemaah haji bagi negeri Johor pada tahun ini kekal sejumlah 2,800 orang dan penerbangan pertama jemaah ke Tanah Suci pada tahun ini bermula 4 September 2016.



MOHAMAD MOKHZANI (kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Zakat Ehsan TH 2016 Peringkat Negeri Johor di Segamat semalam.